GREEN CONTINENTAL FURNITURE (M) SDN BHD A

lwn.

TENAGA NASIONAL BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR B
ZAMANI A RAHIM PK
[GUAMAN SIVIL NO: 22-167-2006]
28 MAC 2010

PROSEDUR SIVIL: *Had masa - Kontrak - Tuntutan untuk relif dari kesan kesilapan - Sama ada dihalang oleh had masa - Tempoh had masa bermula apabila kesilapan disedari - Akta Had Masa 1953, s. 32 - Sama ada dipakai* C

PROSEDUR SIVIL: *Had masa - Laches - Tuntutan untuk relif dari kesan kesilapan - Sama ada dihalang oleh laches - Sama ada plaintif mempunyai pengetahuan mengenai kesilapan - Sama ada defendan diprejudiskan oleh laches - Akta Had Masa 1953, s. 32 - Sama ada dipakai* D

HAD MASA: *Kontrak - Tuntutan untuk relif dari kesan kesilapan - Sama ada dihalang oleh had masa - Tempoh had masa bermula apabila kesilapan disedari - Akta Had Masa 1953, s. 32 - Sama ada dipakai* E

HAD MASA: *Laches - Tuntutan untuk relif dari kesan kesilapan - Sama ada dihalang oleh laches - Sama ada plaintif mempunyai pengetahuan mengenai kesilapan - Sama ada defendan diprejudiskan oleh laches* F

KONTRAK: *Tuntutan - Pembayaran balik wang yang terlebih bayar - Tuntuan di bawah s. 73 Akta Kontrak, 1950 bagi wang yang dibayar akibat kesilapan - Tuntutan balik bayaran bil elektrik yang terlebih bayar akibat penggunaan tarif yang salah - Sama ada pembayaran dibuat mengikut undang-undang - Sama ada tuntutan dihalang oleh had masa atau laches* G

KONTRAK: *Tuntutan - Tuntutan 'money had and received' - Prinsip-prinsip - Tuntutan balik bayaran bil elektrik yang terlebih bayar akibat penggunaan tarif yang salah - Sama ada terdapat 'unjust enrichment' - Sama ada defendan akan mengalami prejudis atau ketidakadilan - Sama ada tuntutan dihalang oleh had masa atau laches* H

UTILITI AWAM: *Elektrik - Bayaran elektrik - Tarif penggunaan elektrik - Tuntutan balik bayaran bil elektrik yang terlebih bayar akibat penggunaan tarif yang salah - Premis kilang plaintif dikenakan Tarif* I

Perdagangan (Tarif B) bila sepatutnya dikenakan Tarif Perindustrian (Tarif D) - Sama ada plaintif berhak membuat tuntutan pembayaran balik wang yang terlebih dibayar akibat penggunaan tarif yang salah

Defendan membekalkan bekalan elektrik kepada premis plaintif di mana plaintif melakukan aktiviti pengilangan pembuatan perabot kayu. Semasa memohon untuk bekalan elektrik, plaintif telah menyatakan bahawa 'Jenis Perniagaan' untuk premis tersebut adalah 'kilang' dan tarif yang dikehendaki adalah 'D', iaitu Tarif Perindustrian. Walau bagaimanapun, kontrak yang dimasuki di antara plaintif dan defendan adalah di bawah Tarif B, iaitu Tarif Perdagangan. Sejak defendan mula memberikan bekalan elektrik kepada plaintif pada tahun 1994 sehingga Jun 2004, plaintif telah membuat bayaran bil elektrik berdasarkan Tarif B. Tarif B adalah lebih tinggi kadar bayarannya daripada Tarif D. Pada 5 Disember 1995 plaintif telah diberi lesen sebagai pengilang berlesen. Maka, plaintif telah memohon kepada defendan untuk menukar Tarif B kepada Tarif D. Permohonan tersebut telah dibenarkan oleh defendan dan Tarif yang dikenakan terhadap plaintif sejak bulan Julai 2004 adalah Tarif D. Plaintif berhujah bahawa tarif yang sepatutnya dikenakan terhadap plaintif dari mulanya adalah Tarif D dan bukannya Tarif B. Maka, plaintif menuntut perbezaan di antara jumlah wang berdasarkan Tarif B yang sebenarnya telah dibayar oleh plaintif dan wang yang sepatutnya dibayar berdasarkan Tarif D. Tuntutan plaintif adalah untuk pembayaran balik wang yang telah terlebih bayar akibat kesilapan. Kausa tindakan plaintif adalah berdasarkan obligasi common law lanjutan dari kesilapan fakta, s. 73 Akta Kontrak ("s. 73") dan restitusi berdasarkan prinsip "money had and received" dan "unjust enrichment". Defendan, antara lain, telah menimbulkan pembelaan had masa dan 'laches' terhadap plaintif.

Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif dengan kos):

(1) Sejak permulaan operasinya, plaintif melakukan aktiviti pengilangan dan mempunyai Lesen Pengilangan yang berkuatkuasa mulai 5 Disember 1995. Maka, Tarif yang sepatutnya dikenakan terhadap plaintif adalah Tarif D dan bukannya Tarif B. Penggunaan Tarif B terhadap plaintif adalah suatu kesilapan dan oleh itu, perbezaan di antara jumlah wang yang berdasarkan Tarif B yang sebenarnya telah dibayar oleh plaintif dan wang yang sepatutnya dibayar berdasarkan Tarif D adalah wang yang terlebih bayar oleh plaintif disebabkan kesilapan. (perenggan 11 & 12)

(2) Berkenaan s. 73, persoalan yang perlu dipertimbangkan dalam menentukan sama ada terdapat kesilapan atau pembayaran wang akibat kesilapan adalah sama ada pembayaran tersebut adalah kena dibayar mengikut undang-undang ("legally due"). Oleh itu, sekiranya apa yang dinyatakan dalam kontrak tidak mengikut undang-undang, maka ia masih boleh terjumlah kepada kesilapan yang membawa kepada pemakaian s. 73. (perenggan 24 & 25)

(3) Walaupun kesilapan dalam pemakaian Tarif B tidak menjadikan kontrak di antara plaintif dan defendan terbatal, kesan kesilapan tersebut adalah bahawa sebahagian daripada pembayaran yang dibuat oleh plaintif kepada defendan (iaitu perbezaan di antara Tarif B dan Tarif D) adalah wang yang sebenarnya tidak kena dibayar kontrak tersebut. Ini membawa kepada pemakaian s. 73 dan wang yang terlebih bayar hendaklah dibayar balik oleh defendan. (perenggan 26 & 27)

(4) Seksyen 73 adalah terpakai tidak kira sama ada kesilapan tersebut adalah kesilapan defendan, kesilapan plaintif atau kesilapan kedua-dua pihak. Apa yang penting adalah terdapat kesilapan yang menyebabkan berlakunya pembayaran wang yang sebenarnya tidak kena dibayar di bawah undang-undang. Maka, jikapun plaintif cuai dalam mengemukakan lesen pengilangan, kecuaian itu tidak menjadi alasan untuk menafikan plaintif haknya di bawah s. 73 untuk mendapat kembali wang terlebih bayar. (perenggan 39 & 40)

(5) Bayaran yang telah dibuat adalah lebih daripada bayaran yang sepatutnya. Defendan tidak berhak kepada wang yang terlebih bayar ini dan dari segi undang-undang semulajadi dan ekuiti, adalah tidak adil atau 'unconscionable' untuk defendan tidak mengembalikan wang tersebut kepada plaintif. Sebaliknya, dengan menyimpan wang yang terlebih bayaran tersebut, defendan memperolehi "unjust enrichment". Maka, defendan mempunyai obligasi untuk memulangkan wang berlebihan yang telah diterimanya. Defendan tidak memplid atau mengemukakan apa-apa keterangan bahawa defendan telah mengubah kedudukan. Oleh itu, tidak ada prejudis atau ketidakadilan sekiranya defendan dikehendaki untuk memulangkan wang yang terlebih bayar tersebut; *Bank Bumiputra Malaysia Berhad v. Hashbudin Hashim* (dirujuk). (perenggan 57)

(6) Tindakan plaintif ini, sama ada di bawah s. 73 atau common law 'money had and received' adalah untuk relif dari kesan kesilapan dan kesilapan tersebut hanya disedari oleh plaintif pada bulan Jun 2004. Tidak ada apa-apa dakwaan oleh defendan bahawa plaintif boleh dengan "reasonable diligence" menyedari kesilapan tersebut lebih awal dari bulan Jun 2004. Maka, tempoh had masa enam tahun hanya bermula pada bulan Jun 2004. (perenggan 60 & 61)

(7) Hujahan defendan mengenai 'laches' tidak berasas kerana hujahan tersebut adalah berdasarkan dakwaan bahawa plaintif mempunyai pengetahuan mengenai keperluan mengemukakan Lesen Pengilangan semasa Permohonan Bekalan Elektrik dibuat pada 1994 tetapi defendan tidak membuktikan bahawa plaintif mempunyai pengetahuan tersebut. Defendan juga tidak mengemukakan keterangan untuk menunjukkan bahawa defendan diprejudiskan oleh 'laches' yang didakwa tersebut. (perenggan 68-70)

Kes-kes yang dirujuk:

Bank Bumiputra Malaysia Bhd v. Hashbudin Hashim [1998] 2 CLJ (Supp) 332 HC ***(dirujuk)***

Chai Then Song v. Malayan United Finance Bhd [1993] 2 CLJ 640 HC ***(dirujuk)***

Credit Corp (M) Bhd v. Fong Tak Sin [1991] 2 CLJ 871; [1991] 1 CLJ (Rep) 69 SC ***(dirujuk)***

Kelly v. Solari [1835-42] All ER Rep 320 ***(dirujuk)***

Moses v. Macferlan [1760] 2 Burr 1005 ***(dirujuk)***

RB Policies At Lloyd's v. Butler [1949] 2 All ER 226 (KBD) ***(dirujuk)***

Serangoon Garden Estate Ltd v. Marian Chye [1958] 1 LNS 77 HC ***(dirujuk)***

Sukatno v. Lee Seng Kee & Anor [2009] 4 CLJ 171 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Contracts Act 1950, ss. 22, 73
Electricity Supply Act 1990, ss. 24(2), (4)(b), 29(1)
Limitation Act 1953, ss. 29, 32
Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 7(1)

The Indian Contract Act 1872, ss. 21, 72

Bagi pihak plaintif - Nurul Ishtar; T/n Ghazi & Lim
Bagi pihak defendan - Ismael Al-Abas; T/n Ismael Al-Abas & Hashim

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Zamani A Rahim PK:

Kausa Tindakan Plaintif

[1] Plaintif memfailkan writ saman dan pernyataan tuntutan bertarikh 31 Mei 2006 terhadap defendan menuntut:

(a) Wang sebanyak RM307,485.45;

(b) Faedah ke atas RM307,485.45 pada kadar 8% setahun dari tarikh pemfailan Writ sehingga tarikh penjelasan penuh;

(c) Satu perintah untuk taksiran atau akaun jumlah yang terlebih bayar oleh plaintif kepada defendan untuk tarif elektrik di antara Januari 1997 sehingga Mei 1997 dan pembayaran jumlah yang ditaksirkan tersebut kepada plaintif;

(d) Kos; dan

(e) Perintah atau relif lain yang suaimanfaaat dan/atau difikirkan wajar oleh Mahkamah yang Mulia ini.

[2] Tuntutan plaintif untuk pembayaran balik wang yang telah terlebih bayar oleh plaintif kepada defendan akibat kesilapan. Kausa tindakan plaintif terhadap defendan yang diplid adalah berdasarkan obligasi common law lanjutan dari kesilapan fakta, s. 73 Akta Kontrak dan secara alternative, restitusi berdasarkan prinsip "money had and received" dan "unjust enrichment".

Fakta Kes

[3] Premis plaintif kepada mana defendan membekalkan bekalan elektrik adalah kilang dan plaintif melakukan aktiviti pengilangan di situ, iaitu pembuatan perabot kayu.

[4] Apabila plaintif memohon untuk bekalan elektrik melalui borang 'Data Permulaan bagi Permohonan Untuk Bekalan Baru', plaintif telah menyatakan bahawa 'Jenis Perniagaan' untuk premis tersebut adalah 'kilang' dan tarif yang dikehendaki adalah 'D', iaitu Tarif Perindustrian (Rujukan: eks. P1 di Ikatan C ms. 1).

[5] Kontrak yang dimasuki di antara plaintif dan defendan selepas itu menyatakan bahawa Tarif yang terpakai adalah Tarif B, iaitu Tarif Perdagangan [Rujukan: Kontrak Bagi Bekalan Elektrik, Eksibit P2 di Ikatan C ms 2 - 4, di ms 3].

[6] Sejak defendan mula memberikan bekalan elektrik kepada plaintif pada tahun 1994 sehingga Jun 2004, defendan telah mengeluarkan bil-bil elektrik berdasarkan Tarif B iaitu Tarif Perdagangan dan plaintif telah membuat bayaran atas bil-bil elektrik yang berdasarkan Tarif B tersebut.

[7] Tarif B adalah lebih tinggi kadar bayarannya daripada Tarif D.

[8] Sejak 5 Disember 1995, plaintif telah diberi lesen sebagai pengilang berlesen ke atas kilang adalah Tarif D, plaintif telah memohon kepada defendan untuk menukar tarif yang dikenakan terhadap plaintif dari Tarif B kepada Tarif D (Rujukan: surat plaintif bertarikh 15 June 2004, eks. P3 di Ikatan C ms 5).

[9] Permohonan plaintif tersebut telah dibenarkan oleh defendan dan tarif yang dikenakan terhadap plaintif sejak bulan Julai 2004 adalah Tarif D iaitu Tarif Perindustrian.

Hujah Plaintif

[10] Walaupun defendan telah menukar tarif yang dikenakan terhadap plaintif dari Tarif B ke Tarif D sejak bulan Julai 2004, bayaran untuk bekalan elektrik yang dibuat sebelum Julai 2004 adalah berdasarkan Tarif B, sedangkan Tarif yang sepatutnya adalah Tarif D yang lebih rendah kadar bayarannya.

[11] Sejak permulaan operasinya, plaintif melakukan aktiviti pengilangan dan mempunyai lesen pengilangan yang berkuatkuasa mulai 5 Disember 1995. Oleh yang demikian, Tarif yang sepatutnya dikenakan terhadap plaintif adalah Tarif D dan bukannya Tarif B.

[12] Penggunaan Tarif B terhadap plaintif adalah suatu kesilapan dan oleh itu, perbezaan di antara jumlah wang berdasarkan Tarif B yang sebenarnya telah dibayar oleh plaintif dan wang yang sepatutnya dibayar berdasarkan Tarif D adalah wang yang terlebih bayar oleh plaintif disebabkan kesilapan.

Kesilapan Di Bawah s. 73 Akta Kontrak

[13] Seksyen 73 Akta Kontrak memperuntukkan seperti berikut:

> A person to whom money has been paid, or anything delivered, by mistake or under coercion, must repay or return it.

[14] Dalam kes ini, kesilapan yang wujud adalah penggunaan Tarif B untuk mengira bayaran untuk bekalan elektrik yang perlu dibayar oleh plaintif.

[15] Tarif yang sepatutnya dikenakan terhadap plaintif adalah Tarif Perindustrian dan ini ditunjukkan oleh Buku-Buku Tarif yang dikeluarkan oleh defendan sendiri. Buku-Buku Tarif yang berkaitan, eks. P15 dan P17 memperuntukkan definisi 'Pengguna Perindustrian' seperti berikut:

(i) Buku Tarif 1990 (P15 di ms 12 Ikatan C)

> Pengguna Perindustrian termasuk pengguna dalam perusahaan pengeluaran, kilang pecah batu dan pengguna yang menggunakan tenaga untuk tujuan mengepam air.

(ii) Buku Tarif 1 Mei 1997 (P7 di ms 18 Ikatan C)

> Pengguna Perindustrian termasuk pengguna yang terlibat dalam perusahaan pembuatan, kilang pecah batu dan ...

[16] Plaintif menjalankan operasi pengeluaran atau pembuatan dan oleh itu adalah termasuk dalam definisi "Pengguna Perindustrian" dan Tarif yang sepatutnya dikenakan adalah Tarif D yang terpakai kepada Pengguna Perindustrian.

[17] Sebaliknya, definisi "Pengguna Perindustrian" dalam Buku-Buku Tarif tersebut secara jelas menunjukkan plaintif bukanlah Pengguna Perdagangan dan tidak sepatutnya dikenakan Tarif B yang terpakai kepada Pengguna Perdagangan.

(i) Buku Tarif 1990 (P15 di ms. 12 Ikatan C)

> Pengguna Perdagangan termasuk yang menduduki blok pejabat, kedai, gudang, restoran, sekolah, rumah penginapan, ladang, pelabuhan, pepasangan keretapi, pepasangan angkatan tentera dan kerajaan dan hospital.

(ii) Buku Tarif 1 Mei 1997 (P7 di ms 18 Ikatan C)

> "Pengguna Perdagangan" termasuk tetapi tidak terhad kepada pengguna yang menduduki atau mengendalikan blok pejabat, rumah penginapan, kompleks beli belah, rumah kedai, tempat letak kereta, gudang, bengkel, restoran, ladang, ladang ternakan, pelabuhan, lapangan terbang, pepasangan keretapi, plaza tol, pepasangan telekomunikasi, pepasangan penyiaran, pusat hiburan / rekreasi / sukan, sekolah / institusi pengajian, organisasi agama / kebajikan, pepasangan angkatan tentera dan kerajaan, hospital, loji rawatan pembetungan, loji pendingin tempatan dan bisnes lain yang mana aktiviti utama tidak terlibat di dalam perusahaan pembuatan atau kilang pecah batu atau perlombongan.

A **[18]** Malah, kedua-dua saksi defendan iaitu Encik Mokhtar Haji Md Ida, SD1 dan Encik Anan a/l Eyam, SD2 telah bersetuju dalam pemeriksaan balas bahawa kilang adalah termasuk dalam kategori Pengguna Perindustrian dan tidak termasuk dalam senarai Pengguna Perdagangan. SD1 juga telah bersetuju bahawa Tarif
B yang dikenakan terhadap kilang adalah Tarif D bukannya Tarif B.

[19] Defendan dalam hujahnya menafikan bahawa terdapat apa-apa kesilapan apabila Tarif B terhadap plaintif kerana plaintif tidak mengemukakan lesen pengilangan kepada defendan apabila
C membuat permohonan untuk bekalan elektrik. Tetapi hujahan ini tidak tepat kerana definisi "Pengguna Perindustrian" tidak menyatakan apa-apa keperluan untuk mengemukakan lesen pengilangan. Dalam kata lain, definisi "Pengguna Perindustrian" hanya merujuk kepada aktiviti operasi yang dijalankan di premis
D tersebut dan tidak merujuk kepada Lesen Pengilangan atau apa-apa dokumen langsung, sama ada Buku Tarif, Borang Pemohonan untuk Bekalan Elektrik atau Kontrak Bekalan Elektrik yang mengkehendaki Lesen Pengilangan atau dokumen lain dikemukakan.

E **[20]** Oleh yang demikian, penggunaan Tarif B yang terpakai kepada Pengguna Perdagangan terhadap plaintif yang jelas merupakan Pengguna Perindustrian adalah satu kesilapan.

[21] Defendan juga menghujahkan bahawa penggunaan Tarif B tidak merupakan kesilapan kerana kontrak yang dimasuki di antara
F plaintif dan defendan menyatakan bahawa tarif yang terpakai adalah Tarif B. Tetapi hujahan tersebut tidak boleh diterima kerana Tarif yang terpakai bukannya bergantung kepada kontrak atau persetujuan plaintif dan defendan semata-mata tetapi mesti mengikut kadar dan kategori tarif yang ditetapkan oleh kerajaan.

G

(a) SD1 telah bersetuju dalam pemeriksaan balas bahawa kadar dan kategori tarif tidak ditetapkan oleh defendan tetapi diluluskan oleh Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi. Ini juga dinyatakan dalam Buku Tarif, contohnya di eks. P16
H perenggan 3.1 di ms 22 Ikatan C.

(b) SD1 telah bersetuju dalam pemeriksaan balas bahawa kadar dan kategori tarif yang sepatutnya dikenakan bukanlah kadar dan kategori dipersetujui bersama oleh plaintif dan defendan semata-mata tetapi mestilah mengikut kadar dan kategori yang
I telah diluluskan oleh Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi.

[22] Dalam keadaan sedemikian, defendan tidak boleh bergantung kepada Tarif yang dinyatakan dalam kontrak untuk menafikan bahawa terdapat kesilapan dalam Tarif yang dikenakan terhadap plaintif.

[23] Tambahan lagi, kesediaan defendan untuk menukar Tarif yang dikenakan terhadap plaintif dari Tarif B ke Tarif D pada bulan Jun 2004 menunjukkan bahawa Tarif B yang dikenakan sebelum itu bukannya Tarif yang betul.

[24] Peruntukan s. 73 Akta Kontrak dan undang-undang kes yang berpandukan seksyen tersebut juga menunjukkan bahawa persoalan yang perlu dipertimbangkan dalam menentukan sama ada terdapat kesilapan atau pembayaran wang akibat kesilapan adalah sama ada pembayaran tersebut adalah kena dibayar mengikut undang-undang ("legally due"). Oleh itu sekiranya apa yang dinyatakan dalam kontrak tidak mengikut undang-undang, maka ia masih boleh terjumlah kepada kesilapan yang membawa kepada pemakaian s. 73 Akta Kontrak.

[25] Dalam kes *Shiba Prasad Singh v. Maharaja Srish Chandra Nandi* [1949] 75 LR 244, (dipetik dalam *Law of Contract*, Dato' Seri Visu Sinnadurai, Third Edition], Privy Council telah mempertimbangkan s. 72 the Indian Contract 1872 yang *pari materia* dengan s. 73 Akta Kontrak 1950. Privy Council telah memutuskan bahawa s. 72 tersebut terpakai kepada kedua-dua kesilapan fakta dan kesilapan undang-undang. Dalam memutuskan bahawa walaupun sesuatu kontrak yang dimasuki berdasarkan kesilapan undang-undang masih sah mengikut s. 21 Indian Contracts Act (s. 22 Akta Kontrak 1950 Malaysia), wang yang dibayar oleh sesuatu pihak akibat kesilapan undang-undang masih perlu dibayar balik di bawah s. 72 the Indian Contracts Act 1872, Majlis Privy telah membuat observasi seperti berikut:

> Payment 'by mistake' in Section 72 must refer to a payment which was not legally due and which could not have been enforced: the 'mistake' is thinking that the money paid was due when in fact it was not due ...
>
> The argument submitted to their Lordships was that section 72 only applies if there is no subsisting contract between the person making the payment and the payee, and that the Indian Contract Act does not deal with the case where there is a subsisting contract but the payment was not due under it. But there appears to their Lordships to be no good reason for so limiting the scope of the Act. Once it is established that the payment in question

A was not due, it appears to their Lordships to be irrelevant to consider whether or not there was a contract between the parties under which some other sum was due.

But it is clear that there was no intention to make a present to the lessor of money which was not due. The money was paid
B under the belief that it was legally due. This belief was mistaken. In their Lordships' view that it is sufficient to bring the case within section 72 ...

[26] Oleh yang demikian, walaupun kesilapan dalam pemakaian
C Tarif B ini tidak menjadikan kontrak di antara plaintif dan defendan terbatal, kesan kesilapan tersebut adalah bahawa sebahagian daripada pembayaran yang dibuat oleh plaintif kepada defendan (iaitu perbezaan di antara Tarif B dan Tarif D) adalah wang yang sebenarnya tidak kena dibayar kontrak tersebut. Ini membawa
D kepada pemakaian s. 73 Akta Kontrak 1950 dan wang yang terlebih bayar hendaklah dibayar balik oleh defendan.

[27] Dalam kes ini, plaintif telah membuat bayaran yang lebih tinggi dari yang sepatutnya. Bayaran yang sebenarnya kena dibayar mengikut undang-undang adalah mengikut Tarif D. Di antara bulan
E Jun 1997 sehingga Jun 2004 perbezaan di antara wang yang sebenarnya telah dibayar di bawah Tarif B dan yang sepatutnya dibayar Tarif D adalah RM307,485.45. Jumlah ini merupakan wang yang sebenarnya tidak kena dibayar mengikut undang-undang dalam tempoh tersebut dan oleh itu perlu dibayar balik oleh
F defendan di bawah s. 73. Akta Kontrak 1950.

[28] Defendan juga menghujahkan bahawa s. 29 Akta Bekalan Elektrik 1990 ("s. 29") membenarkan plaintif dan defendan membuat suatu perjanjian khas di mana perjanjian khas tersebut
G tidak perlu mengikut tarif yang diluluskan oleh Menteri.

[29] Hujahan berdasarkan s. 29 ini adalah tidak tepat dan tidak boleh diterima kerana defendan tidak pernah memplid atau mengemukakan apa-apa keterangan langsung bahawa Kontrak bagi
H Bekalan Elektrik di antara plaintif dan defendan adalah suatu perjanjian khas.

[30] Malah SD1 telah bersetuju dalam pemeriksaan balas bahawa kadar dan kategori tarif yang sepatutnya dikenakan terhadap
I plaintif bukanlah kadar dan kategori yang dipersetujui bersama tetapi mestilah mengikut kadar dan kategori yang telah diluluskan oleh Menteri Tenaga, Air dan Telekomunikasi. Jika apa-apa perjanjian khas wujud, SD1 sepatutnya disoal mengenainya dalam

pemeriksaan semula oleh peguam defendan tetapi tiada apa-apa keterangan demikian dikemukakan. Jadi, peguam defendan tidak boleh menimbulkan kewujudan suatu perjanjian khas buat pertama kalinya dalam hujahan balasnya. A

[31] Juga, jika Kontrak bagi Bekalan Elektrik di antara plaintif dan defendan (eks. P2) dirujuk, adalah jelas bahawa ianya adalah suatu perjanjian 'standard' dan bukan perjanjian khas. B

[32] Juga, defendan tidak mengemukakan apa-apa notis di bawah s. 24(4)(b) untuk menyatakan bahawa tarif yang hendak dikenakan oleh defendan akan ditentukan melalui suatu perjanjian khas di bawah s. 29(1); lihat s. 24(4)(b) Akta Bekalan Elektrik 1990. C

[33] Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa walaupun terdapat peruntukan undang-undang yang membenarkan defendan dan plaintif memasuki perjanjian khas yang membenarkan kadar tarif ditentukan melalui persetujuan bersama, "pliding" dan keterangan menunjukkan tiada perjanjian khas sedemikian wujud di antara plaintif dan defendan. D

[34] Merujuk kepada kes *Serangoon Garden Estate Ltd v. Marian Chye* [1958] 1 LNS 77 yang dirujuk oleh defendan, dalam kes itu, mahkamah telah memutuskan bahawa wang tersebut telah dibayar atas suatu 'mistake of law' dan oleh itu tidak boleh dituntut kembali: E

> (3) The money was paid by the respondent under the belief that it was due under the agreement and it was therefore paid under a mistake of law. F

[35] Tetapi kes *Serangoon Garden*, *(supra)* adalah kes dari Singapura dan Singapura tidak mempunyai Akta Kontrak dan hanya common law terpakai. Dalam common law hanya 'mistake of fact' membenarkan wang dituntut kembali. Sebaliknya, di bawah s. 73 Akta Kontrak 1950, wang yang dibayar di bawah 'mistake of law' juga boleh dituntut kembali, seperti yang diputuskan oleh Privy Council dalam kes *Shiba Prasad Singh (supra)*. Oleh itu, plaintif boleh menuntut kembali wang yang telah terlebih bayar walaupun tidak ada 'fraud' atau 'misrepresentation' apabila kontrak dimasuki. G H

[36] Merujuk kepada kes *Chai Then Song v. Malayan United Finance Bhd* [1993] 2 CLJ 640, faktanya amat berbeza dengan fakta kes ini, tidak ada isu bahawa butir-butir atau terma-terma dalam kontrak tidak mengikut apa yang ditetapkan dalam undang- I

undang. Sebaliknya dalam kes ini tarif yang dinyatakan dalam kontrak adalah tidak mengikut tarif yang diluluskan oleh Menteri, seperti yang diwajibkan oleh s. 26 Akta Bekalan Elektrik 1990.

[37] Defendan telah merujuk kepada s. 26(1) dan menyatakan bahawa "kuasa menentukan tarif adalah diberi kepada defendan dan sememangnya tarif yang diberikan oleh defendan adalah yang telah diluluskan oleh Menteri ... "Tetapi perlu diperhatikan bahawa tarif yang diluluskan oleh Menteri adalah mengikut kategori masing-masing iaitu, Domestik, Perdagangan, Perindustrian dan sebagainya. Oleh itu tarif yang dikenakan oleh defendan mestilah juga mengikut kategori yang diluluskan oleh Menteri. Mengikut definisi Buku Tarif 1990, plaintif tergolong sebagai Pengguna Perindustrian dan oleh itu sepatutnya dikenakan tarif yang diluluskan oleh Menteri untuk kategori Pengguna Perindustrian. Defendan sebaliknya mengenakan ke atas plaintif tarif yang diluluskan oleh Menteri untuk kategori Pengguna Perdagangan dan tindakan ini adalah suatu kesilapan.

[38] Peguam defendan menyatakan isu ini tidak "diplid" tetapi hujahan ini tidak tepat kerana plaintif telah "memplid" dalam perenggan 7 dan 8 pernyataan tuntutan bahawa Tarif yang sepatutnya dikenakan ke atas plaintif adalah Tarif D dan bukannya Tarif B. Plaintif juga telah memplid bahawa Tarif D adalah tarif yang sepatutnya dikenakan kerana Tarif D adalah untuk Pengguna Industri. Plaintif tidak perlu selanjutnya "memplid" bahawa Tarif D adalah Tarif untuk Pengguna Industri berdasarkan kelulusan Menteri kerana itu akan terjumlah kepada "memplid" keterangan dan mengikut A. 18 k. 7(1) KMT, keterangan tidak boleh "diplid".

[39] Seterusnya, defendan juga menghujahkan bahawa kesilapan yang berlaku bukanlah kesilapan defendan tetapi adalah kecuaian plaintif. Hujahan tersebut juga adalah tidak tepat kerana s. 73 Akta Kontrak adalah terpakai tidak kira sama ada kesilapan tersebut adalah kesilapan defendan, kesilapan plaintif atau kesilapan kedua-dua pihak. Apa yang penting adalah terdapat kesilapan yang telah menyebabkan berlakunya pembayaran wang yang sebenarnya tidak kena dibayar di bawah undang-undang.

[40] Begitu juga, kecuaian di pihak plaintif tidak menjadi isu. Jikapun plaintif cuai dalam mengemukakan Lesen Pengilangan (yang mana dinafikan oleh plaintif), kecuaian tersebut tidak boleh menjadi alasan untuk menafikan plaintif haknya di bawah s. 73 Akta Kontrak untuk mendapat kembali wang yang terlebih bayar.

[41] Isu ini telah dinyatakan dalam kes *Bank Bumiputra Malaysia Bhd v. Hashbudin Hashim* [1998] 2 CLJ (Supp) 332 di mana telah dihujahkan bahawa perayu tidak dapat menuntut kembali wang yang telah dibayar kepada responden kerana perayu telah melakukan kecuaian dengan membuat bayaran atas cek walaupun baki dalam akaun pelanggan tidak mencukupi dan walaupun pelanggan tersebut telah mengeluarkan arahan pembatalan atau "countermand". Mahkamah telah memutuskan bahawa kecuaian perayu adalah tidak relevan:

> The provision of s. 73 of the Act are very clear without any exception that the payee must repay the money which has been paid by mistake. It is settled law that in an action for the recovery of money paid under mistake, the bank's negligence is irrelevant.

[42] Mahkamah juga telah menerimapakai kes *Kelly v. Solari* [1835-42] All ER Rep 320 di mana telah diputuskan bahawa wang yang telah dibayar oleh syarikat insurans berdasarkan suatu polisi yang telah luput kerana premium tidak dibayar boleh dituntut kembali walaupun syarikat insurans mempunyai peluang untuk mengetahui bahawa polisi tersebut telah luput. Dalam kes tersebut, Parke B telah menyatakan:

> ... but if it is paid under the impression of the truth of a fact which is untrue, it may, generally speaking be recovered back, however, careless the party paying may have been in omitting to use due diligence to inquire into the fact.

[43] Begitu juga, dakwaan defendan bahawa plaintif telah melakukan kecuaian dengan gagal mengemukakan Lesen Pengilangan adalah tidak relevan kerana tuntutan pengembalian wang yang terlebih bayaran di bawah s. 73 Akta Kontrak tidak boleh dikalahkan oleh dakwaan kecuaian seperti itu.

[44] Walau apapun, sekiranya peruntukan Akta Bekalan Elektrik 1990 diteliti, adalah jelas bahawa Lesen Pengilangan atau dokumen sokongan bukanlah sebahagian maklumat yang diperlukan diberikan oleh plaintif. Section 24(2) menyatakan:

> Jika mana-mana orang mengkehendaki pembekalan elektrik di bawah sub-seksyen (1), dia hendaklah memberi suatu notis kepada pemegang lesen yang menyatakan:
>
> (a) premis-premis yang berkenaan dengannya bekalan elektrik itu dikehendaki;
>
> (b) hari bila bekalan itu dikehendaki dimulakan;

A (c) kuasa maksimum yang dikehendaki pada bila-bila masa; dan

(d) tempoh minimum yang selamanya bekalan dikehendaki diberikan.

[45] Dalam hujahnya, defendan telah merujuk kepada 'Buku Tarif
B Berkuatkuasa 1 Mei 1997' yang menyatakan bahawa Tarif D adalah "Khas Untuk Pengguna Yang Layak". Tetapi Buku Tarif ini berkuatkuasa pada 1 Mei 1997, sedangkan kontrak di antara plaintif dan defendan dimasuki pada 11 Mei 1994. Oleh itu, hujahan defendan bahawa kontrak yang dimasuki pada 11 Mei
C 1994 adalah tertakluk kepada suatu Buku Tarif yang hanya wujud tiga tahun kemudiannya tidak boleh diterima.

[46] Sebaliknya, Buku Tarif 1990 (eks. P15 di ms 8 - 16 Ikatan C) yang berkuatkuasa pada masa kontrak dimasuki tidak
D menyatakan bahawa Tarif Perindustrian adalah "Khas Untuk Pengguna Yang Layak".

Kecuaian

[47] Dalam keadaan fakta kes ini, tidak ada kecuaian yang wujud
E pada pihak plaintif.

[48] Pertamanya, fakta bahawa Lesen Pengilangan tidak dikemukakan oleh plaintif kepada defendan tidak boleh menjadi kecuaian plaintif kerana keperluan mengemukakan Lesen
F Pengilangan tidak dinyatakan, sama ada secara nyata ("express") atau secara tersirat dalam mana-mana dokumen, termasuk Buku-Buku Tarif, Borang Permohonan Bekalan Elektrik atau "Planning Guidelines" yang dikeluarkan oleh defendan.

G **[49]** Apabila ditanya sama ada keperluan mengemukakan Lesen Pengilangan ini dinyatakan dalam mana-mana dokumen, SD2 menjawab bahawa keperluan tersebut adalah "amalan defendan".

[50] Oleh itu, adalah jelas bahawa keperluan mengemukakan Lesen Pengilangan ini tidak dinyatakan dalam apa-apa dokumen
H dan dalam keadaan sedemikian, plaintif tidak boleh dikatakan sebagai melakukan kecuaian sekiranya plaintif tidak mengemukakan Lesen Pengilangan.

[51] Perlu juga ditekankan bahawa permohonan plaintif untuk
I Bekalan Elektrik telah dibuat melalui seorang pakar, iaitu Jurutera Perunding Elektrik yang berpengalaman, iaitu Ir Tan Yeow Joo, SP2. SP2 telah memberi keterangan bahawa tidak ada apa-apa

keperluan untuk mengemukakan Lesen Pengilangan untuk mendapatkan Tarif D. SP2 juga menyatakan bahawa permohonan untuk Bekalan Elektrik yang dibuatnya untuk plaintif adalah berdasarkan "Planning Guidelines" yang mana tidak menyatakan apa-apa keperluan sedemikian. "Planning Guidelines" tersebut terkandung dalam 'Electricity Supply Application Handbook' (eks. P10) dan perenggan 3.5 di ms. 18 eks. P10 menyenaraikan dokumen-dokumen yang perlu dilampirkan bersama permohonan tersebut. Lesen Pengilangan atau dokumen sokongan lain untuk membuktikan kelayakan untuk mendapat Tarif D tidak terdapat dalam senarai tersebut. SP2 menyatakan bahawa dia tidak pasti bila eks. P10 diberikan kepadanya tetapi sekiranya "Planning Guidelines" yang terpakai ada masa yang material adalah berbeza, sudah tentu defendan mempunyai salinannya di dalam simpanan dan kegagalan mengemukakan apa-apa "Planning Guidelines" membangkitkan anggapan bertentangan ('adverse inference') di bawah s. 114(g) Akta Keterangan terhadap defendan.

[52] SP2 juga telah memberikan keterangan bahawa defendan tidak pernah memintanya untuk mengemukakan Lesen Pengilangan untuk menyokong permohonan Bekalan Elektrik plaintif. Walaupun defendan mempertikaikan fakta ini dan menyatakan bahawa defendan telah meminta plaintif untuk mengemukakan Lesen Pengilangan, keterangan SP2 adalah lebih berkemungkinan, munasabah dan disokong oleh keterangan-keterangan lain dalam kes ini iaitu:

(a) Pertamanya, SP2 telah memberi keterangan bahawa dalam pengalamannya, dia tidak pernah mengemukakan Lesen Pengilangan atau dokumen sokongan lain kepada defendan, sama ada sebelum atau selepas permohonan plaintif. Keterangan ini telah disahkan oleh saksi defendan sendiri. SD2 telah dalam pemeriksaan balasnya bersetuju bahawa SP2 tidak pernah mengemukakan Lesen Pengilangan untuk mana-mana permohonan untuk Bekalan Elektrik yang dibuatnya.

(b) Keterangan SD1 menyokong keterangan SP2 kerana apabila SD1 ditanya dalam pemeriksaan balas sama ada dia bersetuju bahawa defendan tidak mengeluarkan apa-apa surat meminta plaintif mengemukakan Lesen Pengilangan, SD1 bersetuju dan menjelaskan bahawa semasa permohonan untuk bekalan elektrik dibuat, Jurutera Perunding, SP2 mengatakan keinginan mendapat Tarif D dan bahawa pada masa itu, premis tersebut masih dalam peringkat pembinaan dan adalah tidak wajar untuk

A defendan mengenakan syarat-syarat tertentu untuk pemohon (plaintif) mendapatkan Lesen Pengilangan. SD1 seterusnya menjelaskan bahawa jikalau syarat tertentu dikenakan, kemungkinan bangunan premis perlu menjalankan aktiviti pengilangan terlebih dahulu barulah bekalan elektrik B disambungkan.

Oleh itu, penjelasan SD1 ini menunjukkan bahawa defendan sendiri tidak meminta Lesen Pengilangan dikemukakan.

C (c) SD2 dalam pemeriksaan balasnya, menyatakan bahawa keperluan mengemukakan Lesen Pengilangan adalah amalan defendan. Tetapi pada masa yang sama, SD2 menyatakan bahawa ianya bukan tanggungjawab defendan untuk memaklumkan kepada plaintif mengenai keperluan tersebut.

D (d) Dokumen-dokumen mengenai kontrak Bekalan Elektrik dengan pelanggan lain yang dikemukakan oleh defendan sendiri (iaitu eks. D12, D12A, D13 dan D13A) menunjukkan bahawa Lesen Pengilangan atau dokumen pembuktian lain tidak dikemukakan bersama permohonan untuk Bekalan Elektrik E tetapi dikemukakan selepas itu untuk menukar tarif yang dikenakan dari Tarif B kepada Tarif D. Sekiranya defendan mempunyai amalan memaklumkan kepada pemohon-pemohon Bekalan Elektrik mengenai keperluan mengemukakan Lesen Pengilangan atau dokumen seumpamanya, sudah tentu F dokumen-dokumen tersebut akan dikemukakan untuk membuat permohonan untuk Bekalan Elektrik dan bukannya dikemukakan untuk menyokong permohonan untuk menukar Tarif. (eks. D12 dan D12A secara nyata (express) menyatakan bahawa ianya adalah Pertukaran Tarif dari B ke D manakala G eks. D13 dan D13A secara tersirat nampaknya adalah permohonan untuk pertukaran Tarif kerana dokumen sokongan, iaitu surat dari Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia adalah bertarikh 10 April 1993, iaitu lebih kurang enam bulan selepas permohonan untuk Bekalan Elektrik H dikemukakan).

(e) Juga, jika defendan sememangnya mempunyai amalan memaklumkan kepada pemohon-pemohon Bekalan Elektrik mengenai keperluan mengemukakan Lesen Pengilangan atau I dokumen seumpamanya, defendan telah tidak mengemukakan dalam perbicaraan ini, walaupun satu permohonan untuk Bekalan Elektrik yang mengandungi Lesen Pengilangan atau dokumen seumpamanya dilampirkan bersama permohonan

tersebut. Sebaliknya, defendan hanya mengemukakan eks. D12, D12A, D13 dan D13A yang merupakan permohonan untuk menukar tarif.

[53] Perlu juga ditegaskan di sini bahawa beban untuk membuktikan kecuaian terletak pada defendan kerana defendan yang mendakwa terdapat kecuaian di pihak plaintif: *Bank Bumiputra Malaysia Bhd v. Hashbudin Hashim* [1998] 2 CLJ (Supp) 332. Untuk membuktikan kecuaian di pihak plaintif, defendan perlu membuktikan bahawa plaintif telah dimaklumkan mengenai keperluan untuk mengemukakan Lesen Pengilangan seperti yang dihujahkan di atas tetapi defendan gagal membuktikan perkara ini.

[54] Oleh yang demikian, hujahan defendan bahawa terdapat kecuaian di pihak plaintif tidak dapat diterima.

[55] Mengenai isu ini, terdapat perbezaan yang ketara di antara pliding defendan dan keterangan yang dikemukakan oleh defendan. Dalam perenggan 4, 6, 7 dan 8 pernyataan pembelaannya, defendan memplid bahawa Lesen Pengilangan perlu dikemukakan untuk layak mendapat Tarif D tetapi keterangan yang dikemukakan dalam perbicaraan adalah bahawa "dokumen sokongan seperti lesen pengilangan atau dokumen-dokumen lain yang boleh membuktikan bahawa (plaintif) menjalankan aktiviti pengilangan" perlu dikemukakan. Pliding defendan merujuk secara khusus kepada Lesen Pengilangan dan rujukan kepada "dokumen sokongan" dan "dokumen-dokumen lain yang boleh membuktikan bahawa (plaintif) menjalankan aktiviti pengilangan" dalam keterangan adalah perkara-perkara yang tidak diplid dan oleh itu tidak wajar diterima: rujuk *Sukatno v. Lee Seng Kee & Anor* [2009] 4 CLJ 171.

"Money had and received" dan "unjust enrichment"

[56] Kausa tindakan lain plaintif terhadap defendan adalah "money had and received". Intipati kausa tindakan ini adalah berdasarkan keadaan sesuatu kes yang bersandarkan kehendak keadilan semulajadi dan ekuiti, menyebabkan defendan mempunyai obligasi untuk memulangkan wang yang diterimanya Lord Mansfield dalam *Moses v. Macferlan* [1760] 2 Burr 1005 dipetik dalam kes *Bank Bumiputra Malaysia Bhd v. Hashbudin Hashim* [1998] 2 CLJ (Supp) 332.

[57] Dalam keadaan kes ini, defendan telah mencatatkan dalam Kontrak Bekalan Elektrik (eks. P2) Tarif B, sedangkan Tarif yang sepatutnya dikenakan adalah Tarif D yang lebih murah kadarnya. defendan telah mengeluarkan bil-bil bekalan elektrik (eks. P6 dan P8 di Ikatan B ms 16 - 105) yang berdasarkan Tarif B dan plaintif telah membuat bayaran berdasarkan Tarif B tersebut. Dalam keadaan tersebut, adalah jelas bahawa bayaran yang telah dibuat adalah lebih daripada bayaran yang sepatutnya. Plaintif tidak berniat untuk membayar kepada defendan wang yang berlebihan, seperti yang ditunjukkan oleh tindakan plaintif memohon untuk pertukaran Tarif serta-merta apabila plaintif menyedari pada bulan Jun 2004 bahawa Tarif yang dikenakan oleh defendan adalah Tarif B yang lebih mahal daripada Tarif D yang sepatutnya terpakai.

[58] Defendan tidak berhak kepada wang yang terlebih bayar ini dan dari segi undang-undang semulajadi dan ekuiti, adalah tidak adil atau 'unconscionable' untuk defendan tidak mengembalikan wang tersebut kepada plaintif. Sebaliknya, dengan menyimpan wang yang terlebih bayaran tersebut, defendan memperolehi "unjust enrichment".

[59] Dalam keadaan seperti ini, defendan mempunyai obligasi untuk memulangkan wang berlebihan yang telah diterimanya, kecuali jika defendan telah mengubah kedudukannya berdasarkan wang berlebihan yang diterimanya yang menjadikannya tidak adil untuk memaksa defendan memulangkan wang tersebut. Di sini pengecualian tersebut tidak terpakai kerana defendan sendiri tidak "memplid" atau mengemukakan apa-apa keterangan bahawa defendan telah mengubah kedudukan. Oleh itu, tidak ada prejudis atau ketidakadilan sekiranya defendan dikehendaki untuk memulangkan wang yang terlebih bayar tersebut: rujuk *Bank Bumiputra Malaysia Bhd v. Hashbudin Hashim* [1998] 2 CLJ (Supp) 332.

Had Masa

[60] Defendan juga menimbulkan pembelaan had masa terhadap plaintif. Tindakan ini difailkan pada 1 June 2006 dan tuntutan plaintif adalah merangkumi tempoh masa dari Januari 1997 sehingga Jun 2004. Tetapi dalam kes ini, tempoh had masa enam tahun yang terpakai tidak bermula pada Januari 1997. Ini adalah kerana tindakan plaintif ini, sama ada di bawah s. 73 Akta Kontrak atau common law 'money had and received' adalah untuk relif dari kesan kesilapan dan kesilapan tersebut hanya disedari oleh plaintif pada bulan Jun 2004.

[61] Section 29 Limitation Act memperuntukkan seperti berikut: A

> Where, in the case of any action for which a period of limitation is prescribed by this Act ...
>
> (c) the action is for relief from the consequence of mistake, the period of limitation shall not begin to run until the plaintiff has discovered the fraud or mistake, as the case may be, or could with reasonable diligence have discovered it .... B

[62] Dalam kes *Credit Corp (M) Bhd v. Fong Tak Sin* [1991] 2 CLJ 871; [1991] 1 CLJ (Rep) 69, Mahkamah Agung telah menyatakan bahawa s. 29(1) adalah terpakai kepada tuntutan di mana kesilapan adalah "essential ingredient" kepada kausa tindakan dan salah satu contoh yang dirujuk adalah untuk mendapat kembali wang yang dibayar akibat kesilapan. C

[63] Dalam kes ini, plaintif hanya menyedari kesilapan yang berkenaan pada bulan Jun 2004 dan tidak ada apa-apa dakwaan oleh defendan bahawa plaintif boleh dengan "reasonable diligence" menyedari kesilapan tersebut lebih awal dari bulan Jun 2004 (SP1 tidak disoalbalas oleh defendan mengenai perkara ini). Dalam keadaan demikian, tempoh had masa enam tahun hanya bermula pada bulan Jun 2004 dan akan tamat bulan Jun 2010. Oleh itu, tindakan plaintif yang difailkan pada bulan Jun 2006 adalah sebelum tempoh had masa tamat. D E

[64] Peguam defendan dalam hujahan bertulisnya menyatakan bahawa kausa tindakan plaintif bermula pada tahun 1994 apabila defendan mengenakan Tarif B. Hujahan tersebut tidak berasas kerana walaupun kesilapan berlaku pada setiap bulan selepas itu apabila plaintif membuat bayaran berdasarkan Tarif B tersebut. F

[65] Had masa hanya boleh bermula apabila kausa tindakan yang lengkap wujud dan pada masa kesilapan dalam Tarif dibuat, kausa tindakan tidak menjadi lengkap kerana tidak ada kerugian. G

[66] Kes *RB Policies At Lloyds' v. Butler* [1949] 2 All ER 226 (KBD) yang dirujuk oleh peguam defendan adalah amat berbeza dari segi fakta dan undang-undang kerana tuntutan dalam kes tersebut adalah berdasarkan "tort of detinue" di mana kausa tindakan telah menjadi lengkap apabila kereta tersebut dicuri. Sebaliknya, dalam kes ini, kausa tindakan untuk pemulangan wang yang terlebih bayar tidak boleh menjadi lengkap sehingga bayaran dibuat oleh plaintif dan di mana terdapat lebih daripada satu bayaran, setiap bayaran berlebihan mewujudkan kausa tindakan yang baru. H I

A **[67]** Lebih penting lagi, hujahan peguam defendan tidak mengambilkira s. 29 Limitation Act.

"Laches"

B **[68]** Hujahan peguam defendan mengenai 'laches' juga tidak berasas kerana hujahan tersebut adalah berdasarkan dakwaan bahawa plaintif mempunyai pengetahuan mengenai keperluan mengemukakan Lesen Pengilangan semasa Permohonan Bekalan Elektrik dibuat pada 1994 tetapi defendan tidak membuktikan bahawa plaintif mempunyai pengetahuan tersebut.

C

[69] Sebaliknya, bagi mempertimbangkan "laches", masa yang relevan adalah Jun 2004, apabila plaintif menyedari bahawa terdapat kesilapan dalam kategori Tarif yang dikenakan. Berdasarkan tarikh tersebut, tidak ada kelengahan yang tidak
D munasabah atau 'laches'.

[70] Selain itu, defendan tidak mengemukakan apa-apa keterangan untuk menunjukkan bahawa defendan diprejudiskan oleh 'laches' yang didakwa tersebut.

E

[71] Perlu ditegaskan di sini juga bahawa tuntutan plaintif adalah juga berdasarkan s. 73 Akta Kontrak, yang menjadikan suatu tuntutan berdasarkan statut dan bukannya bidangkuasa ekuiti semata-mata. Oleh itu, pemakaian s. 32 Akta Had Masa yang
F merujuk kepada 'equitable jurisdiction' kepada tuntutan tersebut adalah tidak wajar.

Amaun Tuntutan Plaintif

[72] Dalam hujahnya, defendan cuba bergantung kepada
G Peraturan 11(5) Peraturan Elektrik 1994 dengan mengatakan bahawa plaintif hanya boleh menuntut lebihan bayaran untuk tiga bulan dari 15 June 2004.

[73] Tetapi hujahan defendan tentang Peraturan 11(5) tidak
H terpakai kepada kes ini kerana setelah peraturan tersebut diteliti, ianya hanya menghalang defendan daripada membuat pelarasan secara ke belakang. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam Peraturan 11(5) tidak menghalang plaintif daripada menuntut kembali wang yang terlebih bayar melebihi tiga bulan. Ini adalah
I kerana Peraturan 11(5) menyatakan:

... pemegang lesen [ie, Defendan] berhak membuat pelarasan secara ke belakang kepada akaun pengguna dengan syarat bahawa tempoh bagi pelarasan ke belakang hendaklah tidak melebihi 3 bulan ....

[74] Oleh itu, Peraturan 11(5) ini hanya menyelaraskan hak defendan untuk membuat pelarasan ke belakang dan bukan hak pengguna (ie, plaintif) untuk menuntut wang yang terlebih bayar daripada plaintif akibat kesilapan. Untuk menafikan plaintif hak yang diperuntukkan dalam s. 73 Akta Kontrak, perkataan-perkataan yang lebih khusus, nyata (express) dan jelas diperlukan.

[75] Oleh yang demikian, Peraturan 11(5) tidak menghalang plaintif daripada membuat tuntutan ini.

[76] Jumlah wang yang terlebih bayar yang dituntut oleh plaintif bagi tempoh Jun 1997 sehingga Jun 2004 adalah RM307,485.45, amaun yang dipohon mengikut perenggan 15(a) pernyataan tuntutan. Defendan tidak mempertikaikan bahawa jumlah RM307,485.45 ini adalah nilai perbezaan di antara Tarif B dan Tarif D untuk tempoh tersebut.

[77] Untuk tempoh Januari 1997 sehingga Mei 1997, plaintif telah membayar RM108,710.10 kepada defendan berdasarkan Tarif B. Plaintif tidak dapat menentukan jumlah yang terlebih bayar kerana plaintif tidak mengetahui kadar Tarif D yang terpakai untuk tempoh tersebut. Dokumen-dokumen defendan dan saksi-saksi defendan juga tidak dapat menyatakan dengan tepat apakah kadar Tarif D untuk tempoh tersebut. Oleh yang demikian, jumlah wang yang terlebih bayar di antara Januari 1997 sehingga Mei 1997, seperti yang dipohon dalam perenggan 15(c) pernyataan tuntutan adalah diperintah untuk ditaksirkan.

[78] Oleh yang demikian, tuntutan plaintif dibenarkan dengan kos.